

Headline **Pemeriksaan HIV SEBELUM KAHWIN**  
Date **22 Feb 2011**  
MediaTitle **Pesona Pengantin**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Monthly**  
Circ / Read **55,000 / 165,000**

Language **Malay**  
Page No **245**  
Article Size **259 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,966**  
PRValue **5,897**



TEKS: HARYANTI HASSAN

## *Pemeriksaan HIV SEBELUM KAHWIN*

KEPADA YANG BAKAL MENDIRIKAN RUMAH TANGGA TIDAK LAMA LAGI, SUDAHKAH ANDA MENJALANI PEMERIKSAAN HIV? JIKA BELUM, LAKUKANLAH DENGAN SEGERA KERANA IA MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA PROSEDUR UNTUK BERKAHWIN. JIKA TIDAK, PERKAHWINAN IMPIAN ANDA MUNGKIN TERGENDALA GARA-GARA TERLEPAS PANDANG AKAN KEPENTINGAN PEMERIKSAAN HIV INI SEBELUM BERKAHWIN. NAMUN, ADA JUGA YANG ENGGAN BERBUAT DEMIKIAN. MENGAPA PERLUNYA PEMERIKSAAN HIV SEBELUM KAHWIN?

### ❖ SEBAGAI PERSEDIAAN

Sebagai pasangan yang bercinta, sifat saling percaya antara satu sama lain memang penting. Oleh itu, jika anda mempercayai antara satu sama lain dengan pasangan, maka jalanilah pemeriksaan HIV tersebut. Pemeriksaan tersebut bukan untuk menganiayai pasangan tetapi sebagai persediaan dan menghadapi sebarang kemungkinan.

### ❖ SEBAGAI PEMERIKSAAN KESIHATAN

Pemeriksaan HIV yang dilakukan sebelum melangsungkan perkahwinan bukan semata-mata untuk mendapatkan keputusan HIV sahaja. Namun, sebagai bakal pengantin juga anda harus tahu tahap kesihatan anda menjelang hari perkahwinan. Anda boleh berjumpa doktor untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan yang lain seperti memeriksa tekanan darah dan penyakit-penyakit lain.

### ❖ DAPATKAN NASIHAT

Setelah membuat pemeriksaan tersebut, jika anda atau pasangan didapati dijangkiti virus HIV, dapatkan nasihat doktor. Ini penting kerana HIV boleh disebarkan melalui hubungan seks. Oleh itu, nasihat daripada yang pakar sangat penting bagi mendapatkan perlindungan yang optimum semasa hubungan seks berlaku.

## Prosedur Mendapatkan Pemeriksaan HIV

■ **BORANG:** Borang pemeriksaan HIV boleh didapati di Pejabat Agama Islam Daerah negeri masing-masing. Borang Laporan Kesihatan Bagi Bakal Pengantin yang didapati akan dikenakan bayaran sebanyak RM5.00 sahaja. Bagi mengelakkan kekeliruan, terdapat nombor siri yang telah ditetapkan dan akan dicop dengan nama tempat pemeriksaan, tarikh, dan masa. Setelah itu, bakal pengantin boleh membawa borang tersebut ke klinik kesihatan yang telah ditetapkan. Klinik swasta tidak diterima.

■ **KEPUTUSAN UJIAN:** Keputusan ujian adalah sulit. Keputusan ujian saringan HIV yang telah diperoleh akan dibawa oleh bakal pengantin untuk diserahkan kepada Pegawai Agama Islam Daerah masing-masing.

■ **MASA UJIAN:** Tempoh sah laku borang tersebut adalah enam bulan. Jadi, waktu yang sesuai untuk membuat pemeriksaan HIV ini ialah dua hingga tiga bulan sebelum tarikh perkahwinan anda.